

PANDUAN PERMOHONAN PEMBIAYAAN LUAR NEGARA

1. PENGENALAN

2. DEFINISI

3. KRITERIA PERMOHONAN

4. NILAI BANTUAN

5. TEMPOH PERJALANAN

6. KERTAS KERJA PEMBENTANGAN

7. PEMBATALAN PERMOHONAN

8. MAKLUMAT TAMBAHAN

9. TATACARA PERMOHONAN

CARTA PERMOHONAN

RINGKASAN PERMOHONAN PEMBIAYAAN LUAR NEGARA

PEGAWAI DAN STAF UNTUK DIHUBUNGI

1. PENGENALAN

Panduan ini menjelaskan syarat, kriteria dan prosedur permohonan pembiayaan persidangan/bengkel/lawatan rasmi rasmi ke luar negara bagi staf Universiti Sains Malaysia dengan pembiayaan Tabung Persidangan Luar Negara (TPLN) atau Geran Penyelidikan.

Adalah diingatkan, Bahagian Penyelidikan & Inovasi **HANYALAH MELULUSKAN PEMBIAYAAN** bagi menghadiri persidangan / bengkel / lawatan rasmi rasmi ke luar negara sahaja dan ianya tertakluk kepada kelulusan perjalanan atas urusan rasmi oleh Bendahari, Naib Canselor dan Ketua Setiausaha KPT (KSU) seperti yang telah dihebahkan oleh Jabatan Pendaftar.

2. DEFINISI

i. Persidangan

Merangkumi semua seperti persidangan, seminar, simposium, kongres, kolokium, forum yang berkaitan dengan penyelidikan sebagai pembentang oral, poster, penceramah undangan, panel, pengerusi panel dan peserta.

ii. Lawatan Rasmi

Bermaksud perjalanan bagi tujuan penyelidikan seperti lawatan rasmi, menjalankan penyelidikan, mesyuarat, perbincangan, rundingan dan sebagai wakil universiti/delegasi dalam tempoh kurang dari 14 hari.

iii. Geran Penyelidikan

Bermaksud geran penyelidikan yang terdapat dan diuruskan oleh Bahagian Penyelidikan & Inovasi, Universiti Sains Malaysia seperti berikut:

1. Akademik
2. APEX Young
3. APEX ERA
4. Dana Inovasi Awal
5. GIPS (Insentif Pembangunan Siswazah-PHD)
6. RUI Khas USM (Pamadanan Pertubuhan & Universiti Antarabangsa)
7. RUI COVID
8. Libatsama Komuniti
9. Penerbitan Buku
10. RUTrans GC
11. RU Top-Down
12. RUTrans
13. RUI
14. RUTeam
15. USM Jangka Pendek
16. USM-Industri (Pamadanan USM-Industri)
17. Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS)
18. Skim Geran Penyelidikan Pembangunan Prototaip (PRGS)
19. Skim Geran Penyelidikan Transdisiplinari (TRGS)
20. Skim Geran Penyelidikan Jangka Panjang (LRGS)
21. Konsortium Kecemerlangan Penyelidikan KKP
22. Geran Pasca Covid-19
23. MyPAIR Hibiscus
24. MYPAIR - UK
25. Newton Disease
26. Newton MUON
27. Geran Penyelidikan Translational Research KPT
28. MRUN-LRGS
29. SATREPS
30. Geran Public-Private Research Network PPRN
31. ScienceFund (MOSTI)
32. International Collaboration Fund (ICF) (MOSTI)
33. Geran Dana R&D (MOSTI)
34. Geran Agensi Luar

3. KRITERIA PERMOHONAN

i. Kriteria (Hanya untuk geran yang bersumberkan dana kerajaan dan TPLN)

Kriteria	Geran Penyelidikan	Tabung Persidangan Luar Negara (TPLN)
Hanya dibenarkan untuk pembentangan kertas kerja penuh secara lisan sahaja.	√	√
Kelayakan	Ketua dan ahli projek sahaja dibenarkan bagi Geran Kementerian (pelajar tidak dibenarkan)	Terbuka kepada semua staf akademik dan pentadbiran/ profesional yang berstatus tetap dan kontrak sahaja
Kertas kerja yang dibentangkan perlu diterbitkan dalam prosiding berindeks WoS/SCOPUS/ERA. <i>(sila sertakan bukti daripada penganjur)</i>	√	√
Keutamaan akan diberikan kepada kertas kerja yang akan diterbitkan dalam Jurnal/Terbitan Khas (Special Issue) berindeks WoS/SCOPUS/ERA. <i>(sila sertakan bukti daripada penganjur)</i>	√	√
Pemohon perlu mempunyai rekod prestasi (track record) yang aktif sebagai main author / corresponding author. <i>*Sila rujuk Jadual Rekod Prestasi di bawah.</i>	√	√
Persidangan yang berkaitan secara terus dengan penyelidikan/bidang kepakaran.	√	√
Perjalanan dibenarkan untuk projek penyelidikan yang memasuki tahun kedua dan ke atas sahaja.	√	-
Sekali sahaja bagi setiap geran penyelidikan dalam tempoh aktif geran.	√	-
Permohonan hanya dipertimbangkan sekali sahaja dalam tempoh dua tahun.	-	√
Tidak dibenarkan menghadiri persidangan luar negara yang dianjurkan oleh penganjur tempatan.	√	√
Hanya yang telah diluluskan dalam kertas cadangan penyelidikan (proposal) dan telah diperuntukan dalam vot 21.	√	-
Untuk pembentangan secara maya, penyelidik perlu mendapatkan pengesahan daripada penganjur persidangan.	√	-
Keutamaan akan diberikan kepada persidangan di negara-negara ASEAN dan Asia.	-	√
Tempoh perjalanan tidak boleh melebihi tujuh (7) hari termasuk satu (1) hari sebelum dan satu (1) hari selepas tarikh persidangan / seminar / bengkel / kursus / kolaborasi / mesyuarat ke luar negara. Jika melebihi tujuh (7) hari, penjelasan yang sewajarnya hendaklah dilampirkan supaya tidak menjejaskan tugas harian dan tanggungjawab pengajian.	√	√

Kriteria	Geran Penyelidikan	Tabung Persidangan Luar Negara (TPLN)
Jumlah delegasi ke luar negara daripada USM bagi satu program/aktiviti tidak boleh melebihi dua (2) orang.	√	√
Perjalanan menggunakan laluan dan tambang paling murah.	√	√
Berpotensi untuk mewujudkan rangkaian untuk mendapatkan geran antarabangsa.	√	√
Berpotensi untuk dijemput menerbitkan buku oleh penerbit terkenal antarabangsa.	√	√
Tertakluk kepada kecukupan baki geran penyelidikan.	√	-

ii. **Jadual Rekod Prestasi**

Kriteria	Bidang	
	Sains dan Kejuruteraan	Sains Sosial
Penerbitan	Untuk kakitangan di bawah 5 tahun perkhidmatan: 2 artikel dalam jurnal terindeks SCOPUS atau WoS / 2 bab dalam buku penyelidikan / 1 buku penyelidikan	Untuk kakitangan di bawah 5 tahun perkhidmatan: 2 jurnal berwasit / 2 bab dalam buku penyelidikan / 1 buku penyelidikan
	Untuk kakitangan melebihi 5 tahun perkhidmatan: 5 penerbitan terindeks SCOPUS atau WoS dalam tempoh 3 tahun terakhir / 5 bab dalam buku penyelidikan / 2 buku penyelidikan	Untuk kakitangan melebihi 5 tahun perkhidmatan: 5 penerbitan berwasit dalam tempoh 3 tahun terakhir / 5 bab dalam buku penyelidikan / 2 buku penyelidikan

4. NILAI BANTUAN

Tabung Persidangan Luar Negara (TPLN)

Bantuan kewangan yang boleh dipertimbang serta diluluskan adalah dalam bentuk subsidi seperti berikut:

a) Yuran

Yuran persidangan yang ditetapkan oleh pihak penganjur atau sebagainya.

b) Tambang

Bantuan perjalanan yang termurah dan terdekat. Penerbangan udara dengan kelas ekonomi sahaja.

c) Penginapan

Penginapan adalah mengikut kadar yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Tetap Kewangan Universiti seperti dalam Lampiran A.

d) Subsisten

Subsisten adalah mengikut kadar yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Tetap Kewangan Universiti seperti dalam Lampiran A.

i. Wang Pendahuluan

Pemohon boleh mendapatkan wang pendahuluan melalui Jabatan Bendahari dengan mengisi borang berkaitan dan dilampirkan bersama dengan surat/catatan kelulusan daripada Bahagian Penyelidikan & Inovasi dan Ketua Setiausaha (KSU).

ii. Tambang Perjalanan

Tempahan tiket penerbangan adalah melalui agensi penerbangan yang berdaftar dengan Universiti Sains Malaysia sahaja. Penggunaan syarikat penerbangan selain dari MAS, Firefly dan Air Asia perlu mendapat kelulusan terus daripada Naib Canselor.

iii. Visa

Urusan mendapatkan visa adalah tanggungjawab pemohon. Bahagian Penyelidikan & Inovasi akan membantu menyediakan surat sokongan bagi memudahkan urusan dalam perkara ini.

iv. Perlindungan Insuran

Perlindungan insuran adalah ditanggung oleh pihak Universiti Sains Malaysia atau melalui geran penyelidikan.

v. Tuntutan

Semua tuntutan hendaklah dimajukan ke Bahagian Penyelidikan & Inovasi selewatnya 14 hari selepas tarikh kembali bersama dengan surat kelulusan pembiayaan daripada Bahagian Penyelidikan & Inovasi dan surat kelulusan perjalanan daripada KSU.

Geran Penyelidikan

Perbelanjaan menggunakan geran penyelidikan adalah mengikut syarat yang ditetapkan penaja geran, kadar kelayakan pemohon dan juga tertakluk kepada baki peruntukan semasa geran.

i. Wang Pendahuluan

Pemohon boleh mendapatkan wang pendahuluan melalui Jabatan Bendahari dengan mengisi borang berkaitan dan dilampirkan bersama dengan surat/catatan kelulusan daripada Bahagian Penyelidikan & Inovasi dan Ketua Setiausaha (KSU).

ii. Tambang Perjalanan

Tempahan tiket penerbangan adalah melalui agensi penerbangan yang berdaftar dengan Universiti Sains Malaysia sahaja. Penggunaan syarikat penerbangan selain dari MAS, Firefly dan Air Asia perlu mendapat kelulusan terus daripada Naib Canselor.

iii. Visa

Urusan mendapatkan visa adalah tanggungjawab pemohon. Bahagian Penyelidikan & Inovasi akan membantu menyediakan surat sokongan bagi memudahkan urusan dalam perkara ini.

iv. Perlindungan Insuran

Perlindungan insuran adalah ditanggung oleh pihak Universiti Sains Malaysia atau melalui geran penyelidikan.

v. Tuntutan

Semua tuntutan perbelanjaan hendaklah dihantar terus ke Jabatan Bendahari melalui perakuan PTJ masing-masing bersama dengan surat kelulusan pembiayaan daripada Bahagian Penyelidikan & Inovasi dan surat kelulusan perjalanan daripada KSU.

5. TEMPOH PERJALANAN

Tempoh perjalanan menghadiri persidangan/bengkel/lawatan rasmi ke luar negara adalah mengikut tarikh persidangan/bengkel/lawatan rasmi dengan tambahan satu hari (TPLN) dan tambahan dua hari (Geran Penyelidikan).

Jika pemohon melebihi tempoh perjalanan yang ditetapkan, Bahagian Penyelidikan & Inovasi tidak akan bertanggungjawab atas semua kos yang terlibat. Permohonan melebihi tempoh perjalanan hanya akan dipertimbangkan atas sebab bencana atau kemalangan yang tidak dapat dielakkan dengan justifikasi.

6. KERTAS KERJA PEMBENTANGAN

Pemohon diwajibkan menghantar satu salinan kertas kerja pembentangan atau penerbitan/prosiding yang dihasilkan ke Perpustakaan Universiti 20 hari selepas kembali dari persidangan.

7. PEMBATALAN PERMOHONAN

Sekiranya berlaku pembatalan perjalanan ke luar negara samada oleh pihak penganjur atau pemohon sendiri, makluman secara bertulis perlu dihantar ke Bahagian Penyelidikan & Inovasi.

Bahagian Penyelidikan & Inovasi tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang tuntutan kos, perbelanjaan atau kos lain yang dikenakan disebabkan kegagalan pemohon memaklumkan kepada Bahagian Penyelidikan & Inovasi bagi pembatalan perjalanan ke luar Negara tersebut.

8. MAKLUMAT TAMBAHAN

Semua pemohon masih tertakluk kepada peraturan dan perbelanjaan kewangan seperti ditetapkan pihak Universiti dan kegagalan mematuhi peraturan ini boleh dikenakan tindakan sewajarnya seperti surcaj atau lain-lain tindakan tatatertib.

Sebarang pindaan akan dibentangkan semula di Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Penyelidikan untuk perakuan sebelum dimajukan ke Jawatankuasa berkaitan untuk kelulusan lanjut.

9. TATACARA PERMOHONAN

Melalui system eOtra – [eOTRA \(usm.my\)](https://eOTRA.usm.my)

KADAR ELAUN TUGAS RASMI UNTUK PARA PEGAWAI KERAJAAN (SSM)

Kumpulan	Elaun Makan		Elaun Harian		Sewa Hotel		Elaun Lojing		Luar Negeri	
	<i>Semenanjung Malaysia</i>	<i>Labuan Sabah Sarawak</i>	<i>Semenanjung Malaysia</i>	<i>Labuan Sabah Sarawak</i>	<i>Semenanjung Malaysia</i>	<i>Labuan Sabah Sarawak</i>	<i>Semenanjung Malaysia</i>	<i>Labuan Sabah Sarawak</i>	<i>Hotel</i>	<i>Elaun Makan</i>
Gred Utama/Khas "A" dan ke atas	115.00	165.00	57.50	82.50	Perbelanjaan Standard Suite	Perbelanjaan Standard Suite	80.00	85.00	Perbelanjaan Standard Suite	370.00
Gred Utama/Khas "B" dan "C"	100.00	130.00	50.00	65.00	Perbelanjaan Superior	Perbelanjaan Superior	75.00	80.00	Perbelanjaan Bilik Biasa	340.00
Gred 53 - 54	85.00	115.00	42.50	57.50	Perbelanjaan Bilik Biasa	Perbelanjaan Bilik Biasa	70.00	75.00	Perbelanjaan Bilik Biasa	320.00
Gred 45 - 52	60.00	80.00	30.00	40.00	278.40	313.20	60.00	70.00	"	270.00
Gred 41 - 44	45.00	65.00	22.50	32.50	255.20	290.00	55.00	60.00	"	Ikut Kategori
Gred 27 -40	40.00	55.00	20.00	27.50	232.00	266.80	45.00	50.00	"	
Gred 17 - 26	40.00	55.00	20.00	27.50	208.80	243.60	40.00	45.00	"	
Gred 1 - 16	35.00	50.00	17.50	25.00	185.60	220.40	35.00	40.00	"	Negara

CARTA PERMOHONAN PEMBIAYAAN LUAR NEGARA

**KELULUSAN PEMBIAYAAN
(e-OTRA)**

**PEMBIAYAAN GERAN
PENYELIDIKAN
(DALAMAN & KEMENTERIAN)**
• SENARAI GERAN
• SYARAT DAN KRITERIA

PEMBIAYAAN GERAN LUAR
• SYARAT DAN KRITERIA

**PEMBIAYAAN TABUNG PERSIDANGAN
LUAR NEGARA (TPLN)**
• SYARAT DAN KRITERIA

**PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)
(PERMOHONAN)**

PEGAWAI KEWANGAN PTJ

DEKAN/PENGARAH

KEPUTUSAN

TIDAK DIPERAKU

TERIMA EMEL MAKLUMAN

DIPERAKU

BAHAGIAN KEWANGAN RCMO

PEGAWAI RCMO

PENGARAH RCMO

**TIMBALAN NAIB CANSELOR
PENYELIDIKAN & INOVASI**

KEPUTUSAN

TIDAK DIPERAKU


TERIMA EMEL MAKLUMAN

DIPERAKU

• SURAT KELULUSAN PEMBIAYAAN AKAN DIHANTAR MELALUI EMEL.
• PERMOHONAN AKAN DIMAJUKAN UNTUK KELULUSAN SELANJUTNYA (KELULUSAN PERJALANAN KE LUAR NEGARA).
• PEMOHON DINASIHATKAN TIDAK MEMBUAT SEBARANG PEMBAYARAN SEHINGGA KELULUSAN KETUA SETIAUSAHA (KSU) DITERIMA.

**BAHAGIAN SUMBER MANUSIA
(KELULUSAN PERJALANAN)**

KELULUSAN PERJALANAN
• BENDAHARI
• NAIB CANSELOR
• KETUA SETIAUSAHA (KSU)



RINGKASAN PERMOHONAN PEMBIAYAAN LUAR NEGARA

JENIS PEMBIAYAAN	KRITERIA	REKOD PRESTASI	KELAYAKAN	KUASA MELULUS
<p>Geran Penyelidikan (Dalam & Kementerian)</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Akademik 2. APEX Young 3. APEX ERA 4. Dana Inovasi Awal 5. GIPS (Insentif Pembangunan Siswazah-PHD) 6. RUI Khas USM (Pemadanan Pertubuhan & Universiti Antarabangsa) 7. RUI COVID 8. Libatsama Komuniti 9. Penerbitan Buku 10. RUTrans GC 11. RU Top-Down 12. RUTrans 13. RUI 14. RUTeam 15. USM Jangka Pendek 16. USM-Industri (Pemadanan USM-Industri) 17. Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) 18. Skim Geran Penyelidikan Pembangunan Prototaip (PRGS) 19. Skim Geran Penyelidikan Transdisiplinari (TRGS) 20. Skim Geran Penyelidikan Jangka Panjang (LRGS) 21. Konsortium Kecemerlangan Penyelidikan KKP 22. Geran Pasca Covid-19 23. MyPAIR Hibiscus 24. MYPAIR - UK 25. Newton Disease 26. Newton MUON 27. Geran Penyelidikan Translational Research KPT 	<ul style="list-style-type: none"> • Hanya dibenarkan untuk pembentangan kertas kerja penuh secara lisan sahaja. • Kertas kerja yang dibentangkan perlu diterbitkan dalam prosiding berindeks WoS/SCOPUS/ERA. <i>(sila sertakan bukti daripada penganjur)</i> • Keutamaan akan diberikan kepada kertas kerja yang akan diterbitkan dalam Jurnal/Terbitan Khas (<i>Special Issue</i>) berindeks WoS/SCOPUS/ERA. <i>(sila sertakan bukti daripada penganjur)</i> • Pemohon perlu mempunyai rekod prestasi (<i>track record</i>) yang aktif sebagai <i>main author / corresponding author</i>. • Persidangan yang berkaitan secara terus dengan penyelidikan/bidang kepakaran. • Perjalanan dibenarkan untuk projek penyelidikan yang memasuki tahun kedua dan ke atas sahaja. • Sekali sahaja bagi setiap geran penyelidikan dalam tempoh aktif geran. • Tidak dibenarkan menghadiri persidangan luar negara yang dianjurkan oleh penganjur tempatan. • Hanya yang telah diluluskan dalam kertas cadangan penyelidikan (<i>proposal</i>) dan telah diperuntukan dalam vot 21. • Untuk pembentangan secara maya, penyelidik perlu mendapatkan pengesahan daripada penganjur persidangan. • Tempoh perjalanan tidak boleh melebihi tujuh (7) hari termasuk satu (1) hari sebelum dan satu (1) hari selepas tarikh persidangan / seminar / bengkel / kursus / kolaborasi / mesyuarat ke luar negara. Jika melebihi tujuh (7) hari, penjelasan yang sewajarnya hendaklah dilampirkan supaya tidak menjejaskan tugas harian dan tanggungjawab pengajian. • Jumlah delegasi ke luar negara daripada USM bagi satu program/aktiviti tidak boleh melebihi dua (2) orang. • Perjalanan menggunakan laluan dan tambang paling murah. • Berpotensi untuk mewujudkan rangkaian untuk mendapatkan geran antarabangsa. • Berpotensi untuk dijemput menerbitkan buku oleh penerbit terkenal antarabangsa. • Tertakluk kepada kecukupan baki geran penyelidikan. 	<p>Sains dan Kejuruteraan</p> <p>Untuk kakitangan di bawah 5 tahun perkhidmatan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • 2 artikel dalam jurnal terindeks SCOPUS atau WoS / 2 bab dalam buku penyelidikan / 1 buku penyelidikan <p>Untuk kakitangan melebihi 5 tahun perkhidmatan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • 5 penerbitan terindeks SCOPUS atau WoS dalam tempoh 3 tahun terakhir / 5 bab dalam buku penyelidikan / 2 buku penyelidikan <p>Sains Sosial</p> <p>Untuk kakitangan di bawah 5 tahun perkhidmatan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • 2 jurnal berwasit / 2 bab dalam buku penyelidikan / 1 buku penyelidikan <p>Untuk kakitangan melebihi 5 tahun perkhidmatan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • 5 penerbitan berwasit dalam tempoh 3 tahun terakhir / 5 bab dalam buku penyelidikan / 2 buku penyelidikan 	<ul style="list-style-type: none"> • Ketua dan ahli projek sahaja dibenarkan. • Pelajar tidak dibenarkan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Kelulusan Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi hanyalah kelulusan pembiayaan. • Kelulusan Bendahari, Naib Canselor dan Ketua Setiausaha KPT adalah kelulusan perjalanan atas urusan rasmi. • Semua pembayaran (termasuk yuran) hanya boleh dibuat setelah mendapat kelulusan daripada KSU.

JENIS PEMBIAYAAN	KRITERIA	REKOD PRESTASI	KELAYAKAN	KUASA MELULUS
28. MRUN-LRGS 29. SATREPS 30. Geran Public-Private Research Network PPRN 31. ScienceFund (MOSTI) 32. International Collaboration Fund (ICF) (MOSTI) 33. Geran Dana R&D (MOSTI)				
Geran Agensi Luar (Penaja selain Kementerian)	<ul style="list-style-type: none"> Tertakluk kepada syarat dan garis panduan penaja. Berpotensi untuk mewujudkan rangkaian untuk mendapatkan geran antarabangsa. Berpotensi untuk dijemput menerbitkan buku oleh penerbit terkenal antarabangsa. Tertakluk kepada kecukupan baki geran penyelidikan. 		<ul style="list-style-type: none"> Ketua dan ahli projek sahaja dibenarkan. 	<ul style="list-style-type: none"> Kelulusan Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi hanyalah kelulusan pembiayaan. Kelulusan Bendahari, Naib Canselor dan Ketua Setiausaha KPT adalah kelulusan perjalanan atas urusan rasmi. Semua pembayaran (termasuk yuran) hanya boleh dibuat setelah mendapat kelulusan daripada KSU.
Tabung Persidangan Luar Negara (TPLN)	<ul style="list-style-type: none"> Hanya dibenarkan untuk pembentangan kertas kerja penuh secara lisan sahaja. Kertas kerja yang dibentangkan perlu diterbitkan dalam prosiding berindeks WoS/SCOPUS/ERA. <i>(sila sertakan bukti daripada penganjur)</i> Keutamaan akan diberikan kepada kertas kerja yang akan diterbitkan dalam Jurnal/Terbitan Khas (<i>Special Issue</i>) berindeks WoS/SCOPUS/ERA. <i>(sila sertakan bukti daripada penganjur)</i> Pemohon perlu mempunyai rekod prestasi (<i>track record</i>) yang aktif sebagai <i>main author / corresponding author</i>. Persidangan yang berkaitan secara terus dengan penyelidikan/bidang kepakaran. Permohonan hanya dipertimbangkan sekali sahaja dalam tempoh dua tahun. Tidak dibenarkan menghadiri persidangan luar negara yang dianjurkan oleh penganjur tempatan. Keutamaan akan diberikan kepada persidangan di negara-negara ASEAN dan Asia. Tempoh perjalanan tidak boleh melebihi tujuh (7) hari termasuk satu (1) hari sebelum dan satu (1) hari selepas tarikh persidangan / seminar / bengkel / kursus / kolaborasi / mesyuarat ke luar negara. Jika melebihi tujuh (7) hari, penjelasan yang sewajarnya hendaklah dilampirkan supaya tidak menjejaskan tugas harian dan tanggungjawab pengajian. 	<p>Sains dan Kejuruteraan</p> <p>Untuk kakitangan di bawah 5 tahun perkhidmatan:</p> <ul style="list-style-type: none"> 2 artikel dalam jurnal terindeks SCOPUS atau WoS / 2 bab dalam buku penyelidikan / 1 buku penyelidikan <p>Untuk kakitangan melebihi 5 tahun perkhidmatan:</p> <ul style="list-style-type: none"> 5 penerbitan terindeks SCOPUS atau WoS dalam tempoh 3 tahun terakhir / 5 bab dalam buku penyelidikan / 2 buku penyelidikan <p>Sains Sosial</p> <p>Untuk kakitangan di bawah 5 tahun perkhidmatan:</p>	<ul style="list-style-type: none"> Terbuka kepada semua staf akademik dan pentadbiran/ profesional yang berstatus tetap dan kontrak sahaja 	

JENIS PEMBIAYAAN	KRITERIA	REKOD PRESTASI	KELAYAKAN	KUASA MELULUS
	<ul style="list-style-type: none"> • Jumlah delegasi ke luar negara daripada USM bagi satu program/aktiviti tidak boleh melebihi dua (2) orang. • Perjalanan menggunakan laluan dan tambang paling murah. • Berpotensi untuk mewujudkan rangkaian untuk mendapatkan geran antarabangsa. • Berpotensi untuk dijemput menerbitkan buku oleh penerbit terkenal antarabangsa. 	<ul style="list-style-type: none"> • 2 jurnal berwasit / 2 bab dalam buku penyelidikan / 1 buku penyelidikan <p>Untuk kakitangan melebihi 5 tahun perkhidmatan:</p> <p>5 penerbitan berwasit dalam tempoh 3 tahun terakhir / 5 bab dalam buku penyelidikan / 2 buku penyelidikan</p>		

PEGAWAI DAN STAF UNTUK DIHUBUNGI

PEGAWAI RCMO

GERAN KEMENTERIAN & JPT-MOE

Ts. Dr. U.Seeta Uthaya Kumar

Emel : seeta_uk@usm.my

Samb : 6536

Puan Irni Syuhada Ibrahim

Emel : irnisyuhada@usm.my

Samb : 6544



PEGAWAI RCMO

GERAN JANGKA PENDEK, BRIDGING & APEX

Puan Irni Syuhada Ibrahim

Emel : farhana.hs@usm.my

Samb : 6539



PEGAWAI RCMO

GERAN UNIVERSITI PENYELIDIKAN (RU)

Puan Faizulkisnu Ibrahim

Emel : faiznur@usm.my

Samb : 6540



PEGAWAI RCMO

GERAN AGENSI LUAR

Encik Mohd Faisal Abu Bakar

Emel : mofab@usm.my

Samb : 6538



BAHAGIAN KEWANGAN RCMO

Encik Wan Muhd Noor W Sulaiman

Emel : wmnoor@usm.my

Samb : 6555

